

UMS mahu terus perluas bidang kerjasama bersama Kindai University

UB 2.8.2017 B9

KOTA KINABALU: Kerjasama erat antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kindai University, Jepun yang telah terjalin lebih sedekad lalu mahu terus diperkukuhkan dengan memperluaskan lagi bidang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin menyatakan demikian dalam satu pertemuan dengan delegasi Kindai University yang diketuai oleh Pendaftar Hiroyasu Tsuji di Bilik Mesyuarat Lembaga Universiti, pagi Selasa.

Katanya, kerjasama yang sekian lama terjalin sudah banyak memberi manfaat kepada kedua-dua universiti khususnya dalam bidang marin dan akuakultur melalui kerjasama latihan industri pelajar, pertukaran



D KAMARUDIN (kanan) menyampaikan penghargaan kepada Hiroyasu.

kakitangan, penganugerahan biasiswa Ijazah Doktor Falsafah, dan penganjuran bersama seminar berkaitan akuakultur.

“Justeru, saya berpandangan bahawa kolaborasi antara dua universiti yang telah terjalin sejak tahun 2002 ini boleh

ditingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi.

“Terbaharu, usahasama kedua-dua pihak mewujudkan Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kindai University adalah hasil kolaborasi berpanjangan yang saya percaya mampu

memacu kepada penghasilan pengetahuan baharu dan pengkomersilan hasil penyelidikan khususnya dalam bidang akuakultur,” katanya.

Dalam pada itu, D Kamarudin turut menyampaikan penghargaan kepada Hiroyasu yang telah banyak terlibat dalam kerjasama antara kedua-dua universiti, khususnya sumbangan beliau terhadap penubuhan Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kindai University.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS Prof Dr Rossita Shapawi.



DELEGASI Kindai University merakam gambar kenangan bersama D Kamarudin dan staf UMS yang hadir.